



SIARAN AKHBAR

Untuk siaran segera

CROCKER UNGGULI MR9

16 Ogos, Kota Tinggi – Cody Crocker daripada pasukan Motor Image Racing yang memandu Subaru Impreza WRX mengungguli KEJOHANAN RALI ASIA PASIFIK (APRC) ANCOM Rali Malaysia 2009 (MR9) dengan catatan masa 3 jam 16 min 22saat.

Crocker memulakan Pusingan Kedua dengan selesa apabila berada di hadapan rakan sepasukan, Emma Gilmour dari New Zealand yang memcatatkan masa 3 jam 27 min 11 saat. Ini telah meletakkan Motor Image di tempat pertama dan kedua di atas podium.

Tempat ketiga pula adalah milik pemandu Indonesia, Rifat Sungkar daripada pasukan Pertamina Prima XP Rally yang menamatkan cabaran dengan masa 14min 18 saat di belakang Gilmour.

Katsu Taguchi daripada pasukan MRF Tyres terpaksa menamatkan perlumbaan terlebih awal kerana jentera Mitsubishi Lancer Evo 10 beliau terjunam ke dalam longkang dan mengakibatkan kerosakan struktur yang teruk lalu menghancurkan harapan beliau untuk memungut mata penting Kejohanan.

“Saya berasa amat gembira hari ini kerana telah menamatkan perlumbaan. SS adalah sangat sukar. Kami mengambil pendekatan selangkah demi selangkah pada setiap masa, tenang dan menghabiskan tugas. Kami mengekalkan tahap kelajuan supaya tiada kesilapan boleh berlaku,” kata Crocker.

Pemandu kebanggaan India, Gaurav Gill yang merupakan rakan sepasukan Taguchi daripada MRF Tyres, tidak menamatkan perlumbaan pada Pusingan Pertama semalam kerana masalah teknikal tetapi telah bermati-matian berlumba pada Pusingan Kedua sehingga mencatatkan masa terpantas di semua laluan. Ada aura-ura mengatakan yang Gaurav mungkin adalah pemandu yang mengungguli APRC di Indonesia pada bulan Oktober nanti. Gaurav merupakan pemenang keseluruhan Rali Gudang Garam Indonesia 2008.

“Saya memang ingin berusaha bersungguh-sungguh sejak tiba di Malaysia,” kata Gaurav. “Awal perlumbaan hari ini saya terlepas beberapa simpang dan pada SS10 saya berhadapan masalah brek tetapi apabila kami mengubah sedikit strategi, kami berjaya memenangi beberapa Stages,” tambah Gaurav.

Karamjit Singh daripada Malaysia yang menggunakan jentera Proton Satria Nee S2000 juga menebus kesalahan semalam apabila mencatatkan lebih kilometer dan menjadi lebih selesa dengan kereta. “Hari ini sangat baik kerana kami dapat lebih latihan sekaligus membuatkan kami pergi lebih pantas, saya berharap rali seterusnya (Indonesia) kereta ini akan ditukar menjadi pemanduan sebelah kanan dan kami akan pergi lebih laju,” kata Karamjit.

Keputusan penuh, sila layari www.malaysianrally.com.

###

Untuk maklumat lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Diane Barton, Media Director MR9

M: +6017 286 2208

Email: diane@pdq.com.my